

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
( INDERA MAHKOTA )**

**TARIKH : 30.10.2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia meminda perlembagaan dan undang-undang berkaitan bagi memastikan keberkesanan memerangi gejala rasuah. Usaha Kerajaan dengan penubuhan beberapa "entity" bagi memastikan agar "corruption - a matter of the past" adalah disambut baik. Namun, garis nipis antara 'legally right but morally wrong' dan beberapa kelemahan lain menghalang SPRM berfungsi sebagai badan yang lebih berkesan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Proses pembinaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 mengambil beberapa pengalaman beberapa negara-negara lain yang berjaya menangani rasuah seperti negara Hong Kong. Kejayaan penguatkuasaan bukan sahaja bergantung kepada hasil siasatan, tetapi juga program-program pencegahan dan pendidikan yang dilaksanakan secara komprehensif. Justeru, kerajaan akan sentiasa memperuntukkan dana yang mencukupi merangkumi keperluan operasi siasatan, perisikan, pencegahan, latihan dan pendidikan masyarakat kerana rasuah merupakan satu jenayah yang kompleks dan unik

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, adalah menjadi tumpuan kerajaan untuk memberi tumpuan terhadap pencapaian yang diperolehi hasil daripada program transformasi SPRM. Ini dibuktikan melalui hasil laporan yang dikeluarkan *United Nations Convention against Corruption (UNCAC)* menunjukkan Malaysia merupakan sebuah negara yang telah mematuhi peruntukan-peruntukan mengenai jenayah rasuah dan penguatkuasaan undang-undang serta kerjasama antarabangsa di bawah UNCAC dan mempunyai kesungguhan dalam membanteras rasuah di dalam dan luar Negara.

Meskipun pengiktirafan 23 kejayaan dan amalan baik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) satu pencapaian "luar biasa"

dari segi pematuhan Konvensyen PBB Mengenai Pencegahan Rasuah (UNCAC), kerajaan dan SPRM berpendapat bahawa masih ada ruang untuk penambahbaikan.

Antara cadangan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan pada masa ini adalah mengkaji dan memperhalusi beberapa peruntukan undang-undang sedia ada termasuklah melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan perlantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah. Ini kerana pindaan ini memerlukan kelulusan majoriti 2/3 Ahli Dewan Rakyat di Parlimen. *Engagement* yang berterusan sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan dengan semua pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas dan bila tiba masanya kelak apabila pindaan Perlembagaan ingin dibuat, pihak Kerajaan amat berharap agar sokongan majoriti 2/3 Ahli Dewan Rakyat dapat diberikan kepada Kerajaan nanti

Sekian, terima kasih

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN**  
**BIN MOHD JARJIS**  
**KAWASAN : ROMPIN**  
**TARIKH : 30 OKTOBER 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS**  
**(ROMPIN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan :-**

- (a) kedudukan terkini perancangan pelebaran jalan utama dari Muadzam - Keratong - Bahau dan Jalan Segamat - Gambang - Kuantan; dan
- (b) statistik kemalangan bagi 5 tahun (2008-2013) untuk menguatkan hujah pelaksanaannya dengan kadar segera.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Muadzam-Keratong-Bahau ialah projek baru yang telah dipohon untuk kelulusan pelaksanaan daripada Agensi Pusat dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10.

Manakala projek menaik taraf Jalan Segamat-Gambang-Kuantan (FT12) pula telah diluluskan dalam RMKe-10 secara reka dan bina. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa berikutan ia melibatkan kos yang tinggi (RM2.3 bilion). Untuk permulaan, Kerajaan telah meluluskan RM340 juta bagi melaksanakan fasa naik taraf dari Gambang ke persimpangan Chini sepanjang 47km. Pembinaan fasa ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2015, iaitu sebaik sahaja proses reka bentuk terperinci projek berkenaan disiapkan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kematian yang dicatatkan akibat kemalangan di Jalan Muadzam-Keratong-Bahau untuk tempoh 5 tahun (2008 hingga 2013) ialah seramai 77 orang. Manakala jumlah kematian di Jalan Segamat-Gambang-Kuantan pula ialah seramai 174 orang untuk tempoh masa yang sama. Faktor utama kemalangan ialah disebabkan kecuaiian manusia, seperti memandu laju, memotong di garisan berkembar, mengantuk dan sebagainya.

Sekian. Terima kasih.